

24 JUN 1999

Umno-PBS

PEMUDA UMNO SABAH BIDAS PBS

KOTA KINABALU, 24 Jun (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno Sabah hari ini berkata dakwaan Parti Bersatu Sabah (PBS) bahawa Umno berusaha memujuk wakil rakyat pembangkang bagi membolehkan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di negeri ini dimansuhkan, adalah tidak berasas.

Ketuanya Juhari Janan berkata wakil rakyat terbabit telahpun memberi penjelasan bahawa penyertaan mereka dalam Umno adalah secara sukarela dan tanpa syarat.

"Mereka telah memberi penjelasan berkali-kali bahawa mereka tidak dipengaruhi oleh sesiapa sebaliknya mereka mengambil keputusan berkenaan atas kerelaan sendiri," katanya kepada pemberita di sini hari ini

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan pada Isnin lepas yang mendakwa bahawa beberapa wakil rakyat parti itu telah dipujuk untuk menyertai Umno sebagai usaha menambah bilangan anggota parti itu di dalam Dewan Undangan Negeri.

Pairin mendakwa dengan pertambahan jumlah wakil rakyat Umno itu, parti berkenaan akan mempunyai alasan untuk menghentikan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di Sabah.

Juhari berkata: "Tidak ada apa-apa agenda di pihak Umno berhubung penyertaan mereka. Itu semata-mata keputusan mereka."

Ahad lepas, Timbalan Presiden PBS Haji Malek Chua yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuamut serta anggota kawasan Pensiangan, Ulin Pamiang, menyertai Umno.

Mereka mengumumkan keputusan berkenaan dan menyerahkan borang keanggotaan kepada Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur.

Dengan penyertaan Malek dan Ulin, Umno kini mempunyai 26 anggota dewan berbanding 24 sebelum ini.

-- BERNAMA

NT NMO